

# Rakyat Johor teruja saksikan peristiwa bersejarah

**JOHOR BAHRU 23 Mac** - "Seawal pukul 2.30 pagi kami lima beranak sudah keluar rumah. Kami sangat teruja dan tidak mahu terlepas menyaksikan peristiwa bersejarah ini."

Demikian luahan seorang suri rumah, **Siti Bayu Tamsor**, 43, ketika hadir menyaksikan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Dataran Bandaraya hari ini.

Dia dan suami, Othman Hamid, 50, serta tiga anak mereka yang berusia antara enam dan 15 tahun keluar dari rumah di Batu 35, Jalan Layang-Layang, Kulajaya dan sampai di dataran tersebut pukul 3.30 pagi.

"Kami memang sudah merancang untuk keluar awal bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan penutupan jalan. Syukur kerana perjalanan kami lancar," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini.

Bagi kakitangan kerajaan, **Sutinah Ramlan**, 50, dia bersama suaminya, Zulkifli Mohd. Ali, 56, dan anak perempuan mereka, Norazika, 17, sanggup datang dari jauh semata-mata ingin menyaksikan upacara bersejarah itu.



**SITI BAYU TAMSOR**



**SUTINAH RAMLAN**



**SANI MOHD. YUSOF**

Mereka yang tinggal di Taman Permata, Kluang keluar rumah pukul 3.30 pagi untuk bersama-sama ribuan rakyat negeri ini memeriahkan lagi upacara berkenaan.

"Sebagai anak jati Johor sudah tentulah kami tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan upacara bersejarah ini apatah jarang berlaku. Ini juga merupakan tanda taat setia kami kepada Sultan Ibrahim yang berjawi rakyat," katanya.

Sementara itu, seorang pekerja swasta, **Sani Mohd. Yusof**, 39, pula

membawa keluarga keluar rumah dari Taman Kobena, di sini seawal pukul 3 pagi bagi memastikan mereka mendapat tempat yang baik untuk menyaksikan istiadat tersebut.

"Bukan selalu kita berpeluang menyaksikan upacara bersejarah seperti ini kerana kali terakhir diadakan pada tahun 1960. Jadi, sudah pastinya kami tidak mahu melepaskan peluang untuk meraikan upacara ini bersama seluruh rakyat Johor yang lain," katanya.